

27/02/2002

Hala tuju CHOGM pada alaf baru

Kadir Dikoh

PEMIMPIN 53 negara mewakili 1.7 bilion penduduk atau satu pertiga penduduk dunia, berhimpun di Coolum, sebuah bandar peranginan di Sunshine Coast, Australia hujung minggu ini bagi menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM).

Kawalan keselamatan paling ketat akan diadakan pada mesyuarat pertama yang terbesar diadakan selepas serangan ke atas Amerika Syarikat 11 September tahun lalu, dengan agenda keganasan sejagat menjadi tumpuan.

Seramai 2,400 anggota tentera, termasuk pasukan pakar antipenganas dan ribuan lagi anggota polis, akan mengawal seluruh kawasan peranginan itu yang terletak kira-kira 90 minit perjalanan darat dari Brisbane, ibu negeri Queensland.

Tuan rumah, Australia, menyediakan pesawat pejuang F/A-18 Hornet dan akan diberi arahan untuk menembak mana-mana pesawat yang mengancam mesyuarat di situ. Malah, ruang udara Sunshine Coast dijadikan kawasan larangan terbang sepanjang mesyuarat itu sehingga minggu depan.

Suasana ini membayangkan betapa dunia kini masih dibayangi peristiwa serangan berani mati ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York dan mesyuarat CHOGM ini adalah juga kali pertama untuk alaf baru ini.

Lantas, isu keganasan sejagat menjadi agenda utama CHOGM 2002 selain perkembangan ekonomi global dan menanam nilai-nilai asas politik harmoni.

Kerana serangan 11 September lalu juga, CHOGM yang sepatutnya diadakan di Brisbane pada 6 hingga 9 Oktober tahun lalu, terpaksa ditangguhkan kepada 2 hingga 5 Mac ini - kali pertama dalam sejarah ia ditangguhkan.

Mengikut jadual asal, CHOGM akan diadakan di Brisbane, tetapi berikutan isu keganasan, ia dipindahkan ke Sunshine Coast bagi memudahkan pengawasan dengan menjadikan pusat peranginan di Coolum `dikurantin' oleh pasukan keselamatan.

Pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berjuang atas nama hak asasi manusia, antiglobalisasi, anti-CHOGM serta politik demokrasi, berikrar mahu menjadikan Australia gelanggang meneruskan perjuangan mereka.

Malah, badan hak asasi antarabangsa, Amnesty International, sebelum ini dilaporkan bercadang menumpukan kritikan terhadap pemimpin Malaysia, Zimbabwe, Kenya dan Sri Lanka berhubung apa yang disifatkan pencabulan hak asasi manusia.

"Anda tunggu dan lihat apabila diadakan CHOGM di Australia nanti, akan ada demonstrasi dan akan ada keganasan," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tahun lalu.

Ini semua akan menjadikan CHOGM pertama pada alaf baru ini, paling menarik dan akan menjadi tumpuan dunia.

Kali terakhir serangan terancang di Australia ialah pada CHOGM di Sydney 1978 apabila bom yang disasarkan kepada Perdana Menteri India ketika itu, Morarji Desai, membunuh tiga orang di luar Hotel Hilton.

Ketua Menteri Queensland, Peter Beattie, sebelum ini memberi amaran kepada kumpulan antiglobalisasi yang cuba menghalang CHOGM, akan ditahan.

Malaysia akan diwakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bertemakan `Komanwel pada abad ke-21: Kesyinambungan dan Pembaharuan', dunia mahu melihat ke arah mana pula hala tuju CHOGM.

Oleh itu, cabaran pertama ialah CHOGM Coolum 2002 yang dapat menentukan fungsi 53 negara anggota pelbagai latar belakang politik dan sosioekonomi

itu dalam menangani isu semasa dunia, terutama soal keganasan dan globalisasi.

Satu lagi negara anggota, Pakistan, digantung keahlian kerana mencabul Deklarasi Harare, manakala pengantungan terhadap Fiji ditarik balik berikutan keputusan Kumpulan Tindakan Menteri Komanwel Mengenai Perisytiharan Harare (CMAG) pada 20 Disember lalu.

Pertubuhan Komanwel itu membabitkan Britain dan negara bekas jajahannya. Mesyuarat itu diadakan setiap dua tahun bagi membincang kerjasama dan inisiatif di kalangan 54 negara anggotanya.

Mesyuarat lalu diadakan di Durban, Afrika Selatan pada November 1999. Dr Mahathir membatalkan penyertaannya untuk menghadiri CHOGM di Durban ketika itu beberapa hari sebelum ia bermula kerana mahu mengadakan pilihan raya umum.

Komanwel adalah badan bermatlamat meningkatkan pemuafakatan mengenai isu global yang penting. Ia memerlukan program unik bagi membina jambatan yang boleh menghubungkan perbezaan tradisi dan pandangan masyarakat negara anggotanya.

Dalam tempoh tiga dekad, pelbagai kata sepakat dicapai selepas berlakunya perdebatan, seterusnya merumuskan dasar diikuti tindakan berhubung perkara kritikal masyarakat antarabangsa.

Ini termasuk mengukuhkan hubungan global dan serantau, mewujudkan keamanan dan keselamatan, meningkatkan usaha pembangunan mapan, menangani masalah krisis hutan dan kawalan kepentingan negara kecil yang berjaya menjadikan Komanwel sebagai pertubuhan yang dihormati dalam konteks forum antarabangsa.

Kecuali Britain, Australia, Kanada dan New Zealand, 50 lagi negara anggota adalah negara membangun dengan negara-negara di Asia merangkumi lebih 70 peratus jumlah penduduk dalam pertubuhan itu. Tiga puluh dua daripada 54 anggota itu adalah negara kecil dengan jumlah penduduk kurang 1.5 juta orang.

Baru-baru ini, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata syor Malaysia supaya diadakan dialog lebih kerap membabitkan tamadun yang berbeza di kalangan negara Komanwel diterima sebagai pelan tindakan dan akan dibentangkan pada CHOGM kali ini.

Katanya, syor itu satu daripada tiga pendekatan negara Komanwel untuk menangani masalah keganasan yang dicadang untuk dijadikan pelan tindakan oleh mesyuarat jawatankuasa Komanwel yang bersidang di London, baru-baru ini.

Dua pelan tindakan lain membabitkan kerjasama lebih erat dalam usaha menangani jenayah yang merentasi sempadan serta penukaran maklumat dalam soal pembiayaan keganasan antara agensi kewangan negara anggota Komanwel.

Apa yang diharapkan ialah CHOGM di Coolum akan dapat menghasilkan sesuatu supaya kewujudannya terus relevan dan bukan pada ungkapan demi ungkapan, tetapi tiada tindakan konkrit.

(END)